

12/11/2018

SIARAN MEDIA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PBAPP TERIMA “ANUGERAH JURUTERA UNGGUL” DARI IEM PULAU PINANG

PULAU PINANG, Isnin, 12/11/2018: *Institute of Engineers, Malaysia*, Cawangan Pulau Pinang (IEM Pulau Pinang) menyampaikan “Anugerah Jurutera Unggul 2018” kepada Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa.

Pengerusi IEM Pulau Pinang Ir. Yau Ann Nian menyampaikan anugerah itu kepada Dato’ Ir. Jaseni, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) dan PBA Holdings Bhd (PBAHB), pada Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-51 IEM Pulau Pinang pada 2/11/2018.

YB Zairil Khir Johari, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang bagi Tebatan Banjir, Kerja Raya & Utiliti, mewakili Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow sebagai tetamu kehormat pada majlis makan malam itu.

Kerjaya Dato’ Ir. Jaseni dalam industri bekalan air sehingga kini, sudah menjangkau 33 tahun. Pada 1/4/2007, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB dan Pengurus Besar PBAPP. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP pada 1/3/2015.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, PBAPP mencapai detik penting berikut:

- 2007: Pelancaran Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA).
- 2011: *International “WaterLinks Award”* untuk Usahasama Operator Air Terbaik dengan PDAM Tirta Musi Palembang.
- 2011: Migrasi kepada Inisiatif Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air Negara (NWSRI) sebagai mematuhi undang-undang Persekutuan. Migrasi ini membolehkan penyelesaian tanpa faedah dalam pinjaman bekalan air Persekutuan sebanyak RM655.2 juta untuk tempoh 45

tahun; dan memperoleh geran Persekutuan RM1.2 bilion bagi Projek Pembesaran Empangan Mengkuang.

- 2013: Dua Anugerah kebangsaan *KeTTHA Industry Awards* (KIA) – “*Water Services Operator of the Year*” dan “*Efficiency Award*”.
- 2015: Dua anugerah daripada Persidangan Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan Asean (CAFEO33) – “Anugerah Kejuruteraan Cemerlang ASEAN untuk Loji Rawatan Air Sungai Dua” dan “Anugerah Kejuruteraan Cemerlang ASEAN untuk Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa”.
- 2017: Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia yang menjadikan keperluan untuk pemaju memasang peranti penjimatan air (WSD) di semua bangunan baru. Oleh kerana WSD adalah peranti yang menjimatkan air secara automatik untuk setiap penggunaan, inisiatif ini berkesan untuk memastikan semua bangunan baru di Pulau Pinang adalah “mesra-air”.
- 2018: Dua anugerah daripada Persatuan Air Malaysia (MWA):
 - “Anugerah Pencapaian Industri Air : Loji Rawatan Air Terbaik” untuk Loji Rawatan Air Sungai Dua.
 - “Anugerah Air Malaysia untuk Pengurusan Terbaik 2018” kepada Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa.
- 2007 – 2018: Tiada catuan air di Pulau Pinang.

Dato’ Ir. Jaseni adalah penyokong kuat untuk:

- Pemuliharaan kawasan tadahan air yang mampan (terutamanya 163,103 hektar hutan hujan di Ulu Muda, Kedah);
- Pengurusan bekalan air holistik yang memberi tumpuan kepada kedua-dua pengurusan bekalan dan permintaan; dan
- Kesedaran dan pendidikan pengguna air bagi memupuk masyarakat jimat air di Pulau Pinang.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my

